

TERMA DAN SYARAT MINIMA KEPADA TUNTUTAN ePENJANA:

Kriteria kelayakan:

- Program ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun ke atas sebelum/pada 31hb Disember 2020.
- Pemohon adalah warganegara Malaysia dan perlu membuktikan kewarganegaraan dengan NRIC Malaysia yang sah berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
- Pemohon yang mempunyai pendapatan tahunan RM100,000 dan ke atas berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah tidak layak untuk program ini.
- Pemohon mesti memuat turun dan mendaftar sebagai pengguna aplikasi MySejahtera dengan maklumat yang sama diisikan dalam maklumat e-dompet.

1. Insentif Program:

- Jika pemohon telah memenuhi kriteria kelayakan dan proses pengesahan akaun (EKYC) di dalam aplikasi e-dompet telah berjaya, kelulusan akan diberi dalam tempoh 5 hari selepas pengesahan.
- Pemohon yang layak akan menerima Lima Puluh Ringgit Malaysia (RM50) kredit ePENJANA setelah penebusan diluluskan dan akan dikreditkan ke dalam e-dompet pemohon.
- Insentif ini hanya boleh ditebus oleh pemohon yang layak sebanyak sekali sahaja, dari tempoh 31 Julai 2020 hingga 24 September 2020.
- Insentif diberikan atas dasar kepada siapa cepat dia dapat, sementara dana masih ada.
- Setelah ditebus, insentif mesti digunakan selewat-lewatnya pada 30 September 2020 dan sebarang baki kredit ePENJANA yang tidak digunakan akan dikeluarkan daripada akaun e-dompet secara automatik.
- Kerajaan Malaysia berhak untuk meminda dan mengubah terma dan syarat pada bila-bila masa sahaja tanpa notis awal.
- Semua insentif yang diterima adalah terhad daripada melakukan transaksi seperti pemindahan rakan ke rakan, pengeluaran dan pemindahan wang tunai.
- Semua insentif mesti digunakan di Malaysia dan hendaklah digunakan untuk barangan dan perkhidmatan yang disediakan di Malaysia.
- Semua insentif yang diterima tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.

2. Perlindungan Data Peribadi

Dengan memohon program ini, notis privasi data [Touch 'n Go eWallet] ("kami") yang telah disediakan kepada anda, akan tertakluk. Tambahan kepada notis privasi data, anda juga bersetuju dan memberi keizininan kepada kami, anak-anak syarikat kami dan juga syarikat-syarikat gabungan kami, untuk mengumpulkan, menyimpan, menggunakan, memproses dan mendedahkan Data Peribadi anda (yang mana termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon anda, dan butiran akaun bank, penyata bank dan maklumat transaksi) untuk:

- Menyediakan dan mendedahkan Data Peribadi anda kepada penyedia-penyedia perkhidmatan (yang mungkin terletak di luar Malaysia), Kementerian Kewangan dan penama-namanya, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan untuk mengesahkan dan memproses kelayakan permohonan anda untuk program ini.
- Mengesahkan tebusan insentif dengan e-dompet lain yang terlibat jika berlaku pertikaian.
- Memproses sebarang aduan yang mungkin diterima dari anda kepada kami bagi program ini.
- Menghantar sebarang notis atau komunikasi kepada anda melalui penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang berkaitan dengan program ini.
- Mengumpulkan data (termasuk maklumat transaksi) ke atas produk atau perkhidmatan yang anda belanjakan dengan menggunakan kredit ePENJANA, atau sebarang transaksi yang berkaitan dengan program ini.
- Memberikan Data Peribadi anda kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang berkaitan bagi tujuan untuk memberikan kesan sepenuhnya kepada program ini.
- Menyediakan dan mendedahkan Data Peribadi anda (yang mungkin merangkumi maklumat transaksi anda) kepada Kerajaan Malaysia, Kementerian Kewangan dan penama-penamanya, dan juga jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan untuk memastikan kejayaan program ini.

Harap maklum bahawa anda tidak akan dapat menyertai program ini sekiranya anda tidak bersetuju dan memberi keizinan kepada pengumpulan, penyimpanan, penggunaan, pemprosesan dan pendedahan Data Peribadi anda. Kami akan menyimpan Data Peribadi anda selaras dengan prinsip-prinsip pemprosesan data (termasuk Prinsip Keselamatan) yang terkandung di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.